



KENYATAAN MEDIA

OPS PATUH BERSEPADU PEMUTIHAN KAWASAN PENGOPERASIAN KITAR SEMULA SECARA HARAM

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus memperkukuhkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti perindustrian termasuk kilang haram yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar.

Melalui Ops Patuh, yang dilaksanakan secara bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen hari ini yang melibatkan dua kilang di Daerah Kuala Muda, Sungai Petani diserbu kerana menjalankan:

- i) Pemerolehan kembali luar tapak buangan terjadual (e-waste) tanpa kelulusan EIA dan lesen daripada JAS; dan
- ii) Aktiviti kitar semula plastik tanpa kelulusan EIA.

Bagi penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) (Akta 127), premis telah disiasat di bawah:

- i) Seksyen 18, AKAS 1974 kerana menjadi kemudahan penstoran luar tapak buangan terjadual tanpa mendapat lesen daripada JAS;
- ii) Seksyen 34A, AKAS, 1974 kerana gagal mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling kepada JAS; dan

- iii) Seksyen 34B, AKAS 1974 kerana menempatkan buangan terjadual tanpa terlebih dahulu mendapat apa-apa kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Dalam hal ini, premis telah diambil tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a), AKAS 1974 ke atas mesin-mesin pengeluaran yang digunapakai di dalam premis tanpa sebarang alat kawalan. Kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan juga akan disediakan atas semua kesalahan di bawah AKAS 1974.

Berdasarkan rekod JAS, terdapat **3,526 premis** daripada pelbagai sektor industri yang beroperasi di Kedah. Sehingga Jun 2024, JAS telah berjaya menjalankan **544 pemeriksaan penguatkuasaan** terhadap industri di Negeri Kedah. Sebanyak **359 tindakan penguatkuasaan** telah diambil yang merangkumi pengeluaran notis arahan untuk tindakan penambahbaikan, pengeluaran kompaun, penahanan operasi kelengkapan, gantung lesen dan penyediaan kertas siasatan untuk tindakan pendakwaan.

Saya ingin menegaskan bahawa Ops Patuh yang dilaksanakan pada hari ini sejajar dan bertepatan dengan aspirasi untuk menjalankan pemutihan terhadap industri haram di negeri Kedah. Ini bertujuan untuk mengawal aktiviti yang tidak mematuhi undang-undang serta merosakkan alam sekitar, merisikokan kesihatan masyarakat setempat dan menyebabkan ketirisan hasil negeri dan negara. NRES sentiasa komited untuk memastikan semua industri yang beroperasi mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 serta lain-lain perundangan yang berkaitan.

NRES juga mengalu-alukan cadangan memperluaskan konsep kawasan industri secara 'gated and guarded' supaya pengurusan, kawalan dan pengawasan industri-industri ini mudah dijalankan oleh agensi-agensi berkaitan. Inisiatif pengawasan pintar yang menggunakan CCTV di kawasan perindustrian serta 'hotspots' merupakan satu langkah proaktif dalam mengekang pelupusan buangan terjadual serta lain-lain jenayah.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
3 JULAI 2024

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan
Kelestarian Alam (NRES)**

Tel: 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

    nresmalaysia

**DATA PEMERIKSAAN PREMIS DI SELURUH NEGERI KEDAH BAGI
TEMPOH 1 JANUARI 2024 SEHINGGA 30 JUN 2024**

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Premis Beroperasi	3,526
2.	Jumlah Pemeriksaan	544
3.	Bilangan Tindakan di bawah AKAS 1974	359